



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.100-1/4/1 (23)

Tarikh : 11 September 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGURUSAN LAPORAN BERHUBUNG DENGAN TATAKELAKUAN
PEGAWAI AWAM YANG DIRUJUK OLEH PIHAK BERKUASA
INTEGRITI**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan ini telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.4.3 Pengurusan Laporan Berhubung dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti pada 17 April 2023.

3. Hasrat pekeliling ini adalah bagi memantapkan usaha agar semua Ketua Jabatan bertindak untuk mengemukakan laporan atau tindakan yang telah diambil sekiranya hasil siasatan Ketua Jabatan mendapati terdapat pelanggaran tatakelakuan selain daripada yang dilaporkan oleh Pihak Berkuasa Integriti (PBI) seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

4. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan yang diterima daripada pihak SPRM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 5 September 2024 yang lalu, didapati sebanyak **123 kes** di peringkat Kementerian dan **33 kes** di peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) telah melebihi tempoh tiga tahun dan masih belum selesai diambil tindakan. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memastikan **tindakan segera** dapat diambil terhadap laporan tersebut dan diselesaikan **sebelum 31 Disember 2024**.

5. Selain itu, pihak SPRM diminta untuk mengadakan pemantauan menerusi mesyuarat bersama Ketua Unit Integriti semua Kementerian/ Pejabat SUK Negeri bagi memastikan tindakan terhadap laporan SPRM diambil. Hasil pemantauan tersebut perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Nasional.


6. Besarlah harapan saya agar perkara ini mendapat perhatian yang serius oleh YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan bagi memastikan aspek tatakelola berhubung urusan ini dapat ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

2. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri KPj Haji Azam bin Baki**
Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Ibu Pejabat SPRM
No. 2, Lebuhr Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA